

11/03/1997

Tujuh perkara utama fokus khidmat awam

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan menggariskan tujuh perkara yang perlu diberi fokus dan keutamaan oleh sektor perkhidmatan awam dalam beberapa tahun akan datang.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Abdul Halim Ali, berkata perkara yang paling penting ialah menentukan usaha mewujudkan kerajaan elektronik dilaksanakan mengikut jadual.

Kerajaan elektronik adalah satu daripada tujuh aplikasi yang akan diwujudkan melalui projek Koridor Raya Multimedia (MSC). MSC dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1 Ogos tahun lalu.

Abdul Halim berkata, pelaksanaan itu memerlukan tindakan segera dan bersepadu di antara Unit Pemodenan Tadbiran Perancangan dan Tenaga Manusia (Mampu) dengan agensi kerajaan, sektor swasta terbabit dan pakar perunding yang dilantik.

Selain itu, aspek latihan kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan akan ditekankan bagi memastikan mereka bersedia dengan pengetahuan dan kemahiran secukupnya untuk melaksanakan program itu.

Dijangka 135,000 pegawai dan kakitangan awam perlu dilatih menjelang 1999 untuk menggerakkan jentera kerajaan elektronik.

Katanya, perkara kedua ialah memastikan pelaksanaan MS ISO 9000 di semua agensi kerajaan mengikut perancangan yang ditetapkan. Sekurang-kurangnya, satu daripada proses utama di setiap agensi kerajaan dilaksanakan melalui ISO 9000 menjelang 2000.

"Ketiga ialah mempertingkatkan pelaksanaan Piagam Pelanggan. Perhatian perlu ditumpukan kepada menilai kualiti perkhidmatan yang diberi dan mengesan kelemahan dengan tujuan meningkatkan standard kualitinya.

"Sektor awam juga perlu meneruskan usaha memperkukuhkan hubungan kerjasama dengan sektor swasta dan menyediakan persekitaran yang dapat mempercepatkan pertumbuhan ekonomi khususnya dalam menghadapi persaingan ekonomi global," katanya.

Abdul Halim berkata demikian ketika melancarkan buku Perkhidmatan Awam Malaysia - Ke Arah Kecemerlangan Melalui ISO 9000 di Bilik Persidangan Blok C Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Mampu Datuk Dr Mohd Rais Abdul Karim dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Datuk Dr Mazlan Ahmad.

Beliau berkata, perkara seterusnya ialah memberi perhatian kepada perhubungan antarabangsa melalui ubahsuai dan memperkukuhkan diplomasi negara supaya kepentingan negara dapat dipertahankan.

Selain itu, katanya, perkara seterusnya ialah memastikan sumber kewangan diurus dengan lebih berhemat, cekap dan bertanggungjawab.

(END)